

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.12.2024 MASA: 05.30PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**  
**ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PROGRAM GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN**  
**SUNGAI JURU 2024**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**21 DISEMBER 2024 (SABTU)**  
**8.00 PAGI**

**RIVERPARK AUTO-CITY**  
**SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**  
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras  
Program Gotong-Royong Pembersihan Sungal Juru

**Yang Berusaha Encik Gary Teoh**  
Managing Director of Auto-City Group Penang

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Program Gotong-Royong Pembersihan Sungai Juru 2024 Riverpark Auto-City, Perai** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir pada pagi yang berbahagia ini bagi menyempurnakan acara *flag-off* pasukan pembersihan sungai.
3. Saya juga mengalu-alukan semua hadirin yang hadir bagi menjayakan program pada hari ini.
4. Program Gotong-Royong Pembersihan Sungai Juru ini bukan sahaja mencerminkan komitmen kita terhadap kelestarian alam sekitar, tetapi juga berfungsi sebagai platform mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai. Aktiviti seperti ini mampu memberikan kesedaran kepada semua pihak tentang kesan buruk pembuangan sampah yang tidak terurus, yang akhirnya mencemari sungai kita.

5. Program ini adalah salah satu inisiatif Jawatankuasa Induk LA21 (Jawatankuasa Mesra Alam) dalam usaha melibatkan komuniti untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan sungai dan pengurusan sampah. Dengan pendekatan gotong-royong yang melibatkan sukarelawan menaiki bot menyusuri Sungai Juru sambil memungut sampah, program ini mencerminkan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam menangani cabaran alam sekitar.
6. Saya juga dimaklumkan bahawa terdapat sebanyak 12 buah bot yang disediakan oleh persatuan nelayan setempat untuk kegunaan program ini. Semua sampah yang dikutip akan dikumpulkan, ditimbang, dan diasingkan mengikut kategori. Ini adalah langkah penting untuk mengenal pasti jenis sampah yang sering mencemari sungai serta merancang tindakan pencegahan yang lebih berkesan pada masa hadapan.
7. Sukacita saya maklumkan bahawa MBSP turut menyumbangkan pelbagai peralatan pembersihan seperti pencakar besi, bakul rotan, sauk rotan, '*rubbish hand picker*' dan kereta sorong untuk memastikan kelancaran program ini.
8. Sungai Juru merupakan sebahagian daripada warisan alam kita yang perlu dijaga dengan penuh tanggungjawab. Melalui aktiviti pembersihan sepanjang lima kilometer (5km) sungai ini, kita bukan sahaja memulihara keindahan alam semula jadi tetapi juga

membangkitkan semangat komuniti untuk bersama-sama menjaga kebersihan sungai demi generasi akan datang.

9. Harapan saya, program ini akan memberi impak positif kepada pemuliharaan alam sekitar. Saya juga menyeru semua pihak untuk terus menekankan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar, demi menjayakan visi kita untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, sekaligus merealisasikan matlamat “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, dan Kompetitif.”
  
10. Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Program Gotong-Royong Pembersihan Sungai Juru 2024 Riverpark Auto-City, Perai terutamanya, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan kepada semua pihak yang turut serta dalam program ini, termasuk agensi kerajaan, NGO, dan rakan-rakan swasta, antaranya:
  - a. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Tengah;
  - b. Persatuan Bomba Sukarela dan Penyelamat Padang Lalang, Pulau Pinang;
  - c. Persatuan Bomba Sukarela dan Penyelamat Kawasan Kampung Cross Street;
  - d. Persatuan Bomba Sukarela dan Penyelamat Taman Sukun;

- e. Persatuan Bomba Sukarela dan Penyelamat Kawasan Bukit Mertajam;
- f. Persatuan Bomba Sukarela dan Penyelamat Blue Sky Malaysia;
- g. Persatuan Keselamatan Sukarela Negeri Pulau Pinang;
- h. The Institution of Engineers, Malaysia (IEM);
- i. Persatuan Penggerak Kerja (WonderWorks); dan
- j. Auto-City Group.

11. Akhir kata, saya berharap semoga usaha kita hari ini menjadi inspirasi untuk lebih banyak inisiatif kelestarian alam sekitar pada masa hadapan. Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian dan Selamat menyambut Tahun Baru 2025.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***